



ANWAR Ibrahim bersalaman dengan anggota polis selepas menunaikan solat jumaat di Surau Amaniah Ibu pejabat Polis Daerah Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

PM mahu pelaburan diraih di Australia direalisasi

Buat susulan segera

Oleh **MOHD. HUSNI**

MOHD. NOOR

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Jemaah Menteri membuat tindakan susulan mengenai komitmen pelaburan diraih negara menerusi lawatan ke Australia baru-baru ini.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, dalam mesyuarat Kabinet semalam, Perdana Menteri mahu tindakan itu disegerakan dan beberapa menteri berkaitan diarahkan membantu perkara itu.

Katanya, ia lawatan yang sangat berjaya kerana beru-

paya menarik minat pelaburan berjumlah RM24.5 bilion selain mengembangkan pelaburan sedia ada.

“Komitmen pelaburan itu diperoleh hasil pertemuan Perdana Menteri dengan 20 syarikat Australia di Melbourne termasuk empat memorandum persefahaman (MoU) dimeterai,” katanya pada sidang akhbar semalam.

Kata Fahmi, Perdana Menteri turut berkongsi hasil pertemuan dengan beberapa pemimpin negara ASEAN termasuk Thailand dalam lawatan yang sama.

Jelasnya lagi, Perdana Menteri juga mahu Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

(Motac) memikirkan usaha menarik pelancong dari Thailand ke Langkawi termasuk menangani isu harga makanan di pulau peranginan itu.

Dalam lawatan Perdana Menteri ke Australia baru-baru ini, beberapa syarikat utama Australia menyatakan minat untuk melabur sejumlah RM24.5 bilion di Malaysia dan mengembangkan operasi sedia ada mereka.

Anwar berada di Australia pada 4 hingga 6 Mac lalu bagi menghadiri Mesyuarat Tahunan antara Pemimpin Malaysia-Australia Kedua (ALM) yang dihoskan oleh Australia serta Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia.